



## PANDUAN UMUM PERMOHONAN ePERMIT EKSPORT DI BAWAH AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010 (STA 2010) YANG DIKELUARKAN OLEH BAHAGIAN PENGUATKUASAAN FARMASI, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Bahagian Penguatkuasaan Farmasi di bawah Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merupakan salah satu agensi pelesenan dan penguatkuasaan bagi pelaksanaan Akta Perdagangan Strategik 2010 yang melibatkan barangan strategik yang disenaraikan sebagai Racun di bawah Jadual Pertama, Akta Racun 1952, iaitu salah satu Akta yang dikuatkuasakan oleh Program ini.
- 1.2 Bahagian ini bertanggungjawab untuk menilai permohonan permit eksport serta menjalankan penilaian pematuhan di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010 ke atas syarikat-syarikat tidak mempunyai status *Internal Compliance Programme* (ICP) yang memohon permohonan permit eksport yang melibatkan dagangan strategik yang merupakan Racun di bawah Akta Racun 1952.

### 2.0 ITEM KAWALAN

- 2.1 Permit Eksport diperlukan bagi pengeksportan dagangan strategik seperti dalam senarai barangan di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010 (Strategic Trade Act 2010) atau STA 2010. Pemohon perlu merujuk 'Strategic Trade (Strategic Items) List 2023' yang boleh diperolehi daripada laman sesawang Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) di [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my) bagi menyemak keperluan permit tersebut.
- 2.2 Buat masa ini, daripada senarai tersebut, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM menilai permohonan permit eksport bagi sembilan (9) barangan strategik yang juga merupakan Racun di bawah Jadual Pertama, Akta Racun 1952 iaitu:
- i. Bismuth *having both of the following characteristics:*
    - a) *A purity of 99.99% or greater by weight; and*
    - b) *Containing less than 10 parts per million by weight of silver*
  - ii. Thionyl chloride
  - iii. Hydrogen fluoride
  - iv. Arsenic trichloride
  - v. Potassium cyanide

- vi. Sodium fluoride
- vii. Sodium cyanide
- viii. Sodium hexafluorosilicate
- ix. Hydrogen cyanide

### 3.0 PROSES PERMOHONAN

#### 3.1 Maklumat umum

- 3.1.1 Permit eksport di bawah STA 2010 yang dikeluarkan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM hanya dikeluarkan kepada pemegang lesen Jenis A (Borong atau Borong dan Runcit) atau pemegang lesen Jenis B yang layak untuk mengeksport dagangan strategik yang dikawal di bawah STA 2010.
- 3.1.2 Bagi maklumat jenis permit yang dikeluarkan di bawah Akta Perdagangan Strategik 2010, pemohon boleh merujuk kepada laman sesawang Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) di [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my) pada "Strategic Trade Act 2010" – "FAQ" - "My First Application" – "Types of Permit".
- 3.1.3 Permohonan dan kelulusan permit eksport di bawah STA 2010 adalah secara dalam talian (online) sepenuhnya dan berkonsepkan tanpa kertas (paperless) melalui laman sesawang iaitu <http://newsta.dagangnet.com.my/>
- 3.1.4 Sistem ePermit diselenggarakan oleh Dagang Net Technologies Sdn Bhd selaku pembekal sistem.
- 3.1.5 Sistem ePermit boleh diakses oleh pengguna berdaftar sahaja.

#### 3.2 Pendaftaran dengan pembekal sistem dan pra-pendaftaran permohonan

- 3.2.1 Pemohon perlu berdaftar dengan pembekal sistem iaitu Dagang Net Technologies Sdn Bhd dan melanggan perkhidmatan ePermit. Pihak Dagang Net boleh dihubungi di talian **1 300 133 133** atau e-mel [careline@dagangnet.com](mailto:careline@dagangnet.com).
- 3.2.2 Bagi proses pra-pendaftaran secara dalam talian, pemohon boleh merujuk kepada laman sesawang Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) di [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my) pada "Strategic Trade Act 2010" – "FAQ" - "My First Application" – "Registration Process".

#### 3.3 Syarat-syarat pemohon

- 3.3.1 Pemohon **mestilah** mempunyai **Lesen Jenis A atau Lesen Jenis B yang sah** yang dikeluarkan oleh Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri mengikut lokasi premis masing-masing. Tarikh luput lesen di bawah Akta Racun 1952 ialah pada **31 Disember setiap tahun**.

- 3.3.2 Adalah menjadi tanggungjawab pemohon permit eksport yang merupakan pemegang lesen di bawah Akta Racun 1952 untuk memastikan **nama syarikat** dan **alamat premis** yang **digunakan semasa permohonan ePermit Eksport adalah sama seperti dalam lesen Jenis A atau Lesen Jenis B** .
- 3.3.3 Bagi pemohon permit eksport yang merupakan **pemegang lesen Jenis B di bawah Akta Racun 1952, barangan strategik yang dimohon semasa permohonan ePermit Eksport mestilah ada dalam senarai racun dalam lesen Jenis B pemohon.**

**Maklumat Penting:** Pastikan pemohon telah mempunyai lesen Jenis A atau lesen Jenis B yang sah terlebih dahulu jika ingin mengeksport barangan strategik yang juga dikawal di bawah Akta Racun 1952 sebelum berdaftar dengan Dagang Net Technologies Sdn Bhd (pembekal sistem).

### 3.4 Membuat permohonan ePermit Eksport di bawah STA 2010

- 3.4.1 Bagi proses permohonan ePermit Eksport di bawah STA 2010 secara dalam talian, pemohon boleh merujuk kepada laman sesawang Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) di [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my) pada "Strategic Trade Act 2010" – "FAQ" - "My First Application" – "Online Permit Application Process".
- 3.4.2 Sila pastikan semua dokumen sokongan dimuatnaik dalam permohonan. Dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut:
- End Use Statement* (EUS) – Mohon rujuk Lampiran A bagi format EUS
  - Technical Specifications/* Maklumat barangan seperti *Material Safety Data Sheet*
  - Dokumen tambahan seperti pesanan pembelian, poison signed order dan invoice

**Maklumat Penting:** Sila pastikan EUS dan dokumen pembelian dan penjualan (cth: pesanan pembelian) adalah lengkap dengan kepala surat syarikat (company letterhead) dan bertandatangan.

- 3.4.3 Setelah maklumat permohonan telah dilengkapkan dan dihantar, draf permohonan tersebut akan dihantar kepada PIA (Permit Issuing Agency)/ OGA (Other Government Agencies) yang berkenaan iaitu Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (kod jabatan: KBF).
- 3.5.6 Permohonan ePermit Eksport di bawah STA 2010 yang **lengkap** akan diproses. Jika permohonan **tidak lengkap**, permohonan akan dikuiiri (require clarification) dan pemohon akan dimaklumkan tentang maklumat yang diperlukan. (Sila pastikan alamat e-mel dan nombor telefon pemohon diisi dalam permohonan).
- 3.5.7 Semua permit akan melalui dua (2) peringkat proses iaitu verifikasi (semakan) dan kelulusan.

## 4.0 SEMAK KEPUTUSAN PERMOHONAN

- 4.1 Pemohon hendaklah menyemak status keputusan permohonan melalui sistem ePermit STA. Kelulusan akan dikeluarkan berdasarkan tempoh piagam pelanggan Pejabat ini. (Rujuk tempoh piagam pelanggan ePermit Eksport di bawah STA 2010)
- 4.2 Maklumat kelulusan ePermit Eksport akan didaftarkan ke dalam Sistem Maklumat Kastam untuk pengesahan dan pengisytiharan eksport Kastam.

- 4.3 **Setiap ePermit Eksport di bawah STA 2010 jenis *single-use* hanya dikeluarkan untuk satu konsainan bagi satu pengeksportan sahaja.** Sekiranya pengeksportan tidak dibuat sepenuhnya, ePermit Eksport yang baharu perlu dipohon bagi mengeksport baki yang belum selesai dieksport.
- 4.4 Tiada permit bercetak (hardcopy) dikeluarkan setelah permohonan telah diluluskan kerana sistem adalah berkonsepkan tanpa kertas (paperless) sepenuhnya.

**PIAGAM PELANGGAN ePERMIT  
EKSPORT DI BAWAH STA 2010**

**Semua permohonan yang **LENGKAP** akan diproses dalam tempoh;  
5 HARI BEKERJA**

**Terma dan Syarat:** Tempoh proses adalah tidak termasuk hari permohonan dihantar serta hari kelepasan am dan cuti umum bagi Negeri Selangor.

## 5.0 PENOLAKAN PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan ePermit Eksport di bawah STA 2010 akan **ditolak** sekiranya;
- i. Terdapat maklumat permohonan yang silap, tidak tepat atau diragui.
  - ii. Maklumat dan dokumen sokongan yang diperlukan tidak diterima dalam tempoh proses yang ditetapkan.
  - iii. Pemohon mempunyai rekod kesalahan berkaitan pelanggaran Akta atau syarat yang masih dalam siasatan dan belum selesai.

## 6.0 TEMPOH SAH ePERMIT EKSPORT DI BAWAH STA 2010 YANG DILULUSKAN

- 6.1 Tempoh sah ePermit Eksport di bawah STA 2010 yang telah diluluskan adalah seperti berikut;
- i. **6 bulan** dari tarikh efektif bagi permohonan permit *single-use*;
  - ii. **2 tahun** dari tarikh efektif bagi permohonan permit *bulk* dan *multiple*; atau
  - iii. **1 tahun** dari tarikh efektif bagi permohonan permit *special*.

**7.0 DOKUMEN SELEPAS AKTIVITI PENGEKSPORTAN**

- 7.1 Bagi permohonan jenis *single-use* yang telah mendapat kelulusan ePermit Eksport di bawah STA 2010 dan telah selesai menjalankan aktiviti pengeksportan, berikut merupakan dokumen yang perlu dikemukakan kepada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi:
- i. Borang K2 Kastam (eksport)
  - ii. Bukti penerimaan oleh pengimport/ penerima/ pengguna akhir dalam bentuk e-mel atau *delivery order*
  - iii. Invois
  - iv. Delivery Verification Statement (DVS) – Mohon rujuk Lampiran B bagi format DVS
- 7.2 Dokumen pengeksportan ini perlu dikemukakan kepada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM tidak melebihi dua (2) bulan dari tarikh eksport.

**Alamat:**

**Bahagian Penguatkuasaan Farmasi,  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Lot 36, Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz,  
46200 Petaling Jaya, Selangor**

<b>LAMPIRAN A</b>	<b>CONTOH FORMAT END USE STATEMENT (EUS)/ MAKLUMAT TUJUAN PENGUNAAN OLEH PENGGUNA AKHIR (muka surat pertama)</b>
-------------------	--

## FORM 5

[Paragraphs 10(7)(b), 11(7)(b), 12(7)(b), 13(4)(b) and subregulation 14(1)]

## END-USE STATEMENT

This end-use statement must be issued by the consignee or end-user using the letterhead of the consignee or end-user, whichever is relevant.

## Important Notes:

1. "\*" indicates delete whichever is not applicable.
2. Tick (✓) the relevant box.
3. This end-use statement must be signed—
  - (a) if an individual, by the person directly interested or his employee authorized by him in writing;
  - (b) if a partnership, by a partner or an employee of the firm duly authorized in writing by a partner; or
  - (c) if a body corporate, by a director, the secretary or an employee duly authorized in writing by a director or the secretary of the body corporate.
4. Pursuant to subsection 40(1) of the Strategic Trade Act 2010, a person who submits false or misleading information in any application, report or other documents for any purpose under this Act or the related laws commits an offence and shall, on conviction, be punished with a fine not exceeding one million ringgit or with imprisonment for a term not exceeding two years or with both, and in the case of a body corporate, be punished with a minimum fine of two million ringgit.

## END USE STATEMENT

For presentation in compliance with subsection 14(2) of the Strategic Trade Act 2010 (*Act 708*) Malaysia.

We (I) certify that we have requested (*name, address and contact number of the supplier*) to supply us the following strategic/ unlisted\* items:

Description of the items : \_\_\_\_\_

Category Codes : \_\_\_\_\_

Quantity : \_\_\_\_\_

Total Value : \_\_\_\_\_

**LAMPIRAN A    CONTOH FORMAT END USE STATEMENT (EUS)/    MAKLUMAT TUJUAN  
 PENGGUNAAN OLEH PENGGUNA AKHIR (muka surat kedua)**

which is intended for—

Consumption	<input type="checkbox"/>	in _____ <i>(country of final destination)</i>	for _____ <i>(details of end-use OR industry/business activity involved)</i>
Production	<input type="checkbox"/>	in _____ <i>(country of final destination)</i>	for _____ <i>(details of end-use OR industry/business activity involved)</i>
Distribution	<input type="checkbox"/>	in _____ <i>(country of final destination)</i>	for _____ <i>(details of end-use OR industry/business activity involved)</i>
Repair	<input type="checkbox"/>	in _____ <i>(country of final destination)</i>	for _____ <i>(details of end-use OR industry/business activity involved)</i>
Others (Please Specify: _____)	<input type="checkbox"/>	in _____ <i>(country of final destination)</i>	for _____ <i>(details of end-use OR industry/business activity involved)</i>

We (I) certify that the strategic items/unlisted items will not be used for any restricted activity that supports the development, production, handling, usage, maintenance, storage, inventory or proliferation of any weapons of mass destruction and its delivery systems or participation in transaction with persons engaged in such activities.

We (I) also certify that we (I) will not subsequently export or otherwise re-sell the items to any person or country that is subject to any sanction imposed pursuant to a decision of the United Nations Security Council.

\_\_\_\_\_  
Date

\_\_\_\_\_  
Original signature of the end user/government official\*

\_\_\_\_\_  
Company stamp/official seal

\_\_\_\_\_  
Name and designation of signer in block letters



<b>LAMPIRAN B</b>	<b>CONTOH FORMAT DELIVERY VERIFICATION STATEMENT (DVS) (muka surat pertama)</b>
-------------------	---

## FORM 6

[Paragraphs 10(7)(c), 11(7)(c), 12(7)(c) and 13(4)(c)]

## DELIVERY VERIFICATION STATEMENT

## PART I

Export/Transit/Transshipment/Special\*Permit No. : \_\_\_\_\_  
 International Import Certificate No. (if applicable) : \_\_\_\_\_

## IMPORTANT NOTICE

The ORIGINAL copy of this Form must be returned to the relevant Authority—  
 1. for single use/special permit, not later than 2 months from the date of export/bringing in transit/transshipment, unless otherwise authorized by the relevant Authority; or  
 2. for bulk/multiple-use permit, upon request by the relevant Authority.

We (I) certify that (please tick whichever applicable):

1.  The total quantity authorized for export by this permit has been exported and all delivery verification documents are available upon request by the relevant Authority.
2.  A part of the quantity authorized for export/transit/transshipment\* by this permit has been exported/ brought in transit/transhipped\* as detailed in Part II. Delivery verification documents covering all items exported/ brought in transit/transhipped\* are available upon request by the relevant Authority.
3.  No shipment has been made against this permit.

Name of permit holder:

Name and title of authorized representative:

Date (dd/mm/yy):

Signature of authorized representative:

## PART II

END USER	ITEM CLASSIFICATION NO.	QUANTITY
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		

<b>LAMPIRAN B</b>	<b>CONTOH FORMAT DELIVERY VERIFICATION STATEMENT (DVS) (muka surat kedua)</b>
-------------------	---

6.		
7.		
8.		
We (I) declare that all the information provided above is true and correct to the best of our (my) knowledge.		
Delivery Verification Officer's name and signature:		Date (dd/mm/yy)

**INSTRUCTIONS:**

1. At the time of making each shipment under the attached permit, please send to your foreign importer a written request for proof of delivery. Please include in your request the international import certificate number (if applicable) shown on the front of this Form and request the foreign importer to make sure that this international import certificate number appears on the delivery import verification he receives from his government. You shall submit the documents upon request by the relevant Authority.
2. The foreign importer shall be advised of the terms of the items' description as shown on the export/transit/transshipment/special\* permit, including the unit of measure (i.e. pounds, kilogrammes, number, etc.) and/or value of items (as applicable) and the foreign importer is requested to make sure that these same terms are used on the delivery verification with the terms on the export/transit/transshipment/special\* permit.
3. Where international import certificate is involved, please obtain from the foreign importer the delivery import verification issued to him by his government for the items described in the attached export/transit/transshipment/special\* permit. If the full amount permitted has not been or will not be exported, delivery import verification shall be obtained for the amount actually shipped. If the items are exported in partial shipments, please obtain delivery import verification for each partial shipment. Delivery import verifications covering partial shipments shall be retained in your files until you have received delivery import verifications for all partial shipments made against the attached permit.
4. You are required to keep the original copy of the relevant proof of delivery and delivery import verification which shall be submitted upon request by the relevant Authority.
5. Documents in a foreign language shall be accompanied by an accurate English translation.

\*" indicates delete whichever is not applicable.

**SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:**

- 1. Sekretariat Perdagangan Strategik  
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)**  
Aras 4, Menara MITI  
No. 7 Jalan Sultan Haji Ahmad Shah  
50622 Kuala Lumpur  
Tel: 03-8000 8000  
E-mel: [admin.sts@miti.gov.my](mailto:admin.sts@miti.gov.my)
  
- 2. Cawangan Pelesenan  
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia**  
Lot 36 Jalan Profesor Diraja Ungku Aziz  
46200 Petaling Jaya, Selangor  
Tel: 03-7841 3200  
E-mel: [pelesenanbpf@moh.gov.my](mailto:pelesenanbpf@moh.gov.my)
  
- 3. Dagang Net Technologies Sdn Bhd**  
Dagang Net Tower Block 10 (A & B)  
Corporate Park, Star Central  
Lingkar Cyberpoint Timur, Cyber 12  
63000 Cyberjaya, Selangor  
Careline: 1 300 133 133  
E-mel: [careline@dagangnet.com](mailto:careline@dagangnet.com)

**Panduan ini digunakan berkuat kuasa 5 September 2023.**

